

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Murid-murid, _____ hendaklah menjaga kebersihan diri,” pesan Cikgu Hayati.
- A kita
 - B saya
 - C kami
 - D aku
- 2 Ai Ling gembira _____ dapat menyertai sambutan Hari Kebangsaan.
- A agar
 - B kerana
 - C sambil
 - D lalu

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- A Kevan berasal daripada Selangor.
 - B Zaidi menerima poskad dari sahabatnya.
 - C Delina membeli buku komik ke pesta buku.
 - D Subra menghadiahkan tali leher kepada Azmi.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Puan Adila merupakan jiran baharu Puan Renuka. Beliau baru sahaja berpindah di situ awal bulan lalu. Puan Renuka menyapa keluarga Puan Adila yang sedang sibuk membersihkan rumah.

Dua orang anaknya membantu beliau. Aina menggantung langsir, sementara Aidit membantu ayahnya memotong rumput dan membersihkan longkang. Mereka juga bercadang untuk menanam pokok bunga bagi mengindahkan halaman rumah pada hari esok.

- 4 Siapakah yang membantu ayah?
 - A Renuka
 - B Adila
 - C Aidit
 - D Aina

- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Puan Renuka disapa oleh Puan Adila.
 - B Aina ialah jiran baharu Puan Renuka.
 - C Puan Adila berpindah awal bulan lalu.
 - D Puan Renuka membersihkan rumah.

- 6 Berikut merupakan aktiviti yang telah mereka lakukan *kecuali*
 - A membersihkan longkang.
 - B menggantung langsir.
 - C memotong rumput.
 - D menanam pokok bunga.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PAMERAN BERTEMAKAN MAYA
SEMPENA
HARI ALAM SEKITAR DUNIA 2023



TARIKH : 20 SEPTEMBER 2023
HARI : RABU
MASA : 1.30 PETANG
TEMPAT : GOOGLE MEET
<https://meet.google.com/nkw-gtiy-gdw>



Dengan Kerjasama Jabatan Alam

BAHAN 2

Pada cuti sekolah yang lalu, Haikal dan keluarganya telah berkelah di pantai. Semasa Haikal dan adik-adiknya bermain di tepi pantai, Haikal melihat banyak sampah terapung-apung. Haikal turut melihat seekor penyu yang terjerut dengan plastik sampah.

Haikal memberitahu perkara itu kepada ayahnya dengan perasaan sedih. Ayahnya memberitahu Haikal tentang akibat daripada pembuangan sampah di laut. Beliau turut menasihati Haikal supaya saling *kerjasama* antara satu sama lain dan menjaga laut daripada tercemar.

- 7 Semasa Haikal dan adiknya bermain di tepi pantai, mereka ternampak
- A penyu yang terjerut dengan plastik sampah.
 - B penyu terapung-apung di tepi pantai.
 - C sampah menjerut seekor penyu.
 - D orang membuang sampah.

8

Pada cuti sekolah yang lalu, Haikal dan keluarganya telah berkelah di pantai.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah
 - B batang
 - C bidang
 - D kajang
- 9 Perkataan *kerjasama* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A persefahaman
 - B merapatkan
 - C persatuan
 - D rajin
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Ayahnya berasa sedih melihat sampah dan penyu yang terjerut itu.
 - B Haikal dinasihati supaya menjaga laut daripada tercemar.
 - C Adik Haikal melihat seekor penyu terapung-apung.
 - D Keluarga Haikal bermain-main di tepi pantai.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya .

Aina, Shanti dan Shun Yi akan menyertai Pertandingan Ceria Merdeka. Mereka merancang menggantung belon-belon dan bendera-bendera kecil di dalam kelas.

Tema warna Jalur Gemilang menjadi hiasan di kelas mereka. Warna-warna seperti merah, biru, kuning dan putih telah dipilih untuk warna alas meja dan langsir kelas. Warna Jalur Gemilang juga dijadikan tema pakaian oleh mereka semasa hari pertandingan.

- 1 (a) Aina, Shanti dan Shun Yi akan sertai _____.

[1 markah]

- (b) Apakah yang akan menjadi tema hiasan di kelas mereka?

[2 markah]

- (c) **Bulatkan satu kata ganda penuh** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Mereka merancang menggantung belon-belon dan bendera-bendera kecil di dalam kelas.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Warna Jalur Gemilang juga dijadikan tema pakaian oleh mereka semasa hari pertandingan.

Jalur Gemilang juga menjadikan mereka tema pakaian semasa hari pertandingan.	
Mereka menjadikan warna Jalur Gemilang juga sebagai tema pakaian semasa hari pertandingan.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

Kamu menyertai pertandingan merentas desa di peringkat negeri. Kamu berasa kecewa kerana gagal mengharumkan nama sekolah.

2 Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]


Grafik di bawah menunjukkan tentang aktiviti bersukan.

Tuliskan pendapat kamu tentang **kebaikan bersukan**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Kebaikan Bersukan



[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.